



Hari ini
Jagoan Bagan Datoh
Lebih 10,000 banjiri Pusingan
Keempat Karnival GP Joran 2007

Tercekik buah
Kanak-kanak kurang upaya
maut selepas makan rambutan



NASIONAL 19

Bunuh penyarah
Tertuduh lics sara gaya
hidup Siti Rahmah

NASIONAL 20



LIHAT MUKA 18



England kalah
Nasib penjaga gol
belum pasti

SUKAN 40



Malaysia iku Gemilang

Jumaat
24 Ogos 2007
11 Syaaban 1428
E-mel:
bhnews@bharian.com.my
Tel: 03-22822323
Fax: 03-22822425
BH PILIH 1A 24 email

DITERBIT SEJAK 1957

BERITA HARIAN

50 TAHUN MENGISI KEMERDEKAAN

SOLAT
Kuala Lumpur
dan kawasan yang
sewaktu denganya

SUBUH	5.52
SYURUK	7.10
ZUHUR	1.19
ASAR	4.32
MAGHRIB	7.24
ISYAK	8.34

Harga Semenanjung: RM1.50 Sabtu/Sarawak: RM2.00 Brunei Darussalam: B\$2.00 PP414/9/2007 www.bharian.com.my

Kos RM4.6b PKFZ diperjelas

Kementerian umum 400 hektar Zon Bebas Pelabuhan Klang dibangun serentak

Oleh Suffian A Bakar

KLANG: Kos bagi projek pembangunan Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) di Pulau Indah, Selangor meningkat kepada RM4.632 bilion selepas Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) memutuskan untuk memajukannya serentak bagi keseluruhan kira-kira 400 hektar kawasannya.

Kementerian Pengangkutan dalam kenyataannya menjelaskan, mulanya PKFZ dicadangkan untuk dilaksanakan dalam dua fasa membabitkan sebahagian tanah seluas kira-kira 200 hektar dengan kos pembangunan dianggarkan sebanyak RM400 juta.

Bagaimanapun, atas nasihat Jebel Ali Free Trade Zone (Jafza) yang ke-

INFO

Zon bebas bersepadu

- Konsep berdasarkan model Zon Bebas Jebel Ali di Dubai tetapi disesuaikan dengan persekitaran tempatan dan serantau
- Kedudukan strategik bersebelahan Westports di Pulau Indah
- Pembangunan di kawasan seluas 400 hektar dengan kemudahan bercampur
- Mula beroperasi November 2006
- Sebanyak 30 syarikat dalam dan luar negara menyertainya.

tiu itu bertindak sebagai pengurus zon bebas berkenaan, LPK membangunkannya secara serentak membabitkan keseluruhan 400 hektar kawasan dengan kos RM1.845 bilion.

“Selepas mengambil kira kos pembelian tanah, kos pembangunan bersama dengan kos faedah 7.5 peratus, yuran profesional 10 peratus dan kos-kos lain yang hanya dihadkan kepada 20 peratus jika digunakan, jumlah kos keseluruhan PKFZ adalah dianggarkan berjumlah RM4.632 bilion,” katanya.

Mengenai kos keseluruhan pembelian tanah, Kementerian itu berkata, harga RM1.088 bilion atau RM25 sekaki persegi yang dibayar LPK kepada Kuala Dimensi Sdn Bhd (KDSB) bagi 400 hektar tanah tapak PKFZ itu adalah berdasarkan penilaian Jaba-

tan Penilaian dan Perkhidmatan Harta selepas mengambil kira kerja-kerja prasarana yang dilaksanakan di tanah berkenaan.

Kerja prasarana itu termasuk penambahan tanah, perparitan, pembinaan jalan masuk dan jambatan, penyediaan lampu jalan, bekalan air serta bayaran kepada agensi utiliti.

Selepas mengambil kira bayaran kadar faedah 7.5 peratus kerana tempoh pembayaran kepada KDSB bagi pembelian itu dibuat dalam tempoh 15 tahun, jumlah keseluruhan kos pembelian tanah ialah sebanyak RM1.807 bilion.

Memperincikan kos pembangunan PKFZ, kementerian itu berkata, sejumlah RM1 bilion dibelanjakan bagi membina kemudahan utama merangkumi empat blok bangunan pe-

jabat lapan tingkat untuk sewaan, 512 unit bangunan untuk industri ringan, pejabat Pihak Berkuasa Zon Bebas serta pejabat kastam dan laluan pemeriksaan, sebuah pusat pameran, tempat meletak kereta bertingkah serta bangunan keselamatan.

Sebanyak RM845 juta pula dibelanjakan bagi menaik taraf simpang masuk dan jalan raya, kerja infrastruktur elektrik, pembinaan hotel kelas perniagaan, kerja penanaman kabel sepanjang 42 kilometer, dan kerja elektrik lain.

Kementerian itu berkata, berikutan kos keseluruhan PKFZ membabitkan kos yang tinggi, kerajaan ber-setuju meluluskan pinjaman mudah

Press Clipping

LPK, Jafza tamat kontrak pada 18 Julai

DARI MUKA 1

kepada LPK bagi membolehkannya membiayai kos pembangunannya PKFZ dengan butirannya sedang diuruskan.

"PKFZ adalah projek nasional membabitkan penyediaan infrastruktur untuk membantu pertumbuhan kargo di Pelabuhan Klang, menjana pertumbuhan ekonomi negara, mewujudkan peluang pekerjaan dan perkhidmatan, serta aktiviti sampingan," katanya.

Kementerian Pengangkutan juga berkata, kerajaan menghormati keputusan Jafza mengundur diri daripada perjanjian pengurusan zon bebas itu yang dimeterainya dengan LPK pada Oktober 2003. Tindakan itu bagaimanapun tidak akan menjejaskan kerjasama dan peluang perniagaan antara JAFZA dengan LPK pada masa depan.

LPK dan Jafza menamatkan kontrak pengurusan dan pentadbiran bagi zon bebas itu atas persetujuan bersama pada 18 Julai lalu berdasarkan perubahan dasar semasa syarikat berpangkalan di Dubai itu.

Projek PKFZ sebelum ini dilaporkan dikritik peserta industri logistik yang mengatakan ia berdepan risiko untuk menjadi projek gajah putih. Mereka juga mempersoalkan bagaimanapun kos pembangunannya meningkat begitu tinggi.

Turut mendapat perhatian ialah harga bagi pembelian tanah bagi tapak zon bebas itu yang dikatakan terlalu tinggi. Laporan sebelum ini menyebut, kerajaan negeri memberikan tanah berkenaan kepada Koperasi Pembangunan Pulau Lumut (KPPL) yang kemudian menjualnya kepada KDSB pada harga RM95 juta atau RM3 sekaki persegi.
